

**Puspanita Mahu Ke Peringkat Global - Rohani Abdullah
Bernama
29 Apr, 2014**

KUALA LUMPUR, 29 April (Bernama) -- Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam (Puspanita) berhasrat untuk memperkenalkan persatuan itu ke peringkat global bagi memperluas penglibatan anggotanya, kata Yang Dipertuanya Puan Sri Rohani Abdullah.

Bagi merealisasikan hasrat itu, katanya Puspanita akan menjemput anggota Pertubuhan Komanwel bagi Pengurusan dan Pentadbiran Awam (Capam) menghadiri persidangan tahunan kebangsaan kedua Puspanita pada Oktober depan.

"Sudah sampai masanya kita perkenalkan Puspanita ke peringkat global dan tahun ini, kita ambil langkah untuk merealisasikan impian itu. Jika berjaya, mungkin negara lain berminat menubuhkan persatuan sama di negara mereka," katanya.

Beliau memberitahu Bernama demikian selepas Puspanita mengetuai kunjungan hormat 10 anggota Anggota Jawatankuasa Kerja Tertinggi Puspanita ke atas Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah di Istana Negara di sini, hari ini.

Rohani berkata pada masa ini, belum ada badan bukan kerajaan negara lain yang menggabungkan peranan isteri penjawat awam dan penjawat awam wanita dalam satu persatuan, seperti yang dilakukan Puspanita.

Menurutnya hasrat untuk membawa Puspanita ke peringkat global juga bertujuan memudahkan anggotanya menyertai persidangan atau aktiviti berkenaan perkhidmatan awam dianjurkan di peringkat antarabangsa.

Mengenai persidangan tahunan Puspanita, Rohani berkata pihaknya menyasarkan kehadiran seramai 1,000 peserta pada tahun ini bagi menggalakkan lebih ramai wanita mengikuti bengkel dan ceramah sepanjang persidangan berlangsung.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1034500>